

23 JUL 2000

Hamid-Asean

MALAYSIA ANGGAP ASEAN +3 SEBAGAI KERJASAMA ASIA TIMUR

Oleh: Zainab Mohd Yatim

BANGKOK, 23 Julai (Bernama) -- Malaysia menyifatkan Asean +3 sebagai kerjasama Asia Timur yang akan menyaksikan pengukuhan kerjasama antara Asean dan China, Jepun dan Korea Selatan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia menyokong sepenuhnya mesyuarat Asean +3 kerana ini akan meningkatkan kerjasama serantau.

"Kami berpuas hati dengan Asean +3...ia akan memainkan peranan penting. Walaupun jika tidak memanggilnya sebagai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), ia masih kekal sebagai kerjasama Asia Timur," kata beliau kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Luar Filipina Domingo L. Siazon di sini.

Beliau telah ditanya sama ada Asean+3 akhirnya akan menghasilkan EAEG, perundingan ekonomi yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dahulu.

Mesyuarat perdagangan antara kedua-dua menteri diadakan hari ini sebelum Mesyuarat peringkat Menteri Asean ke-33 di sini yang bermula esok.

Sementara itu, setiausaha agung Asean Rodolfo C. Severino, ketika memberi taklimat mengenai mesyuarat peringkat Menteri Asean berkata para menteri akan membincangkan mengenai Asean Troika serta perkembangan di Indonesia terutama mengenai isu-isu membabitkan keselamatan.

"Kestabilan rantau itu merupakan faktor penting bagi pertumbuhan pesat yang telah dicapai oleh Asean pada 1998," kata beliau.

Kepada satu soalan, beliau berkata Asean menyokong penuh keutuhan wilayah Indonesia sambil berkata "Indonesia ialah anggota penting dan sebarang ancaman terhadap wilayahnya harus dipandang serius."

Beliau juga berkata mesyuarat akan mempercepatkan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).

Beliau menarik perhatian bahawa inisiatif e-Asean juga akan dibangkitkan sambil berkata kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, komunikasi dan teknologi akan menyaksikan Asean menghadapi cabaran dalam konteks daya saing.

Ketika ditanya sama ada isu-isu fahaman pelampau di Filipina dan Malaysia akan dibincangkan, beliau berkata tiada batasan bagi membincangkan isu-isu mengenai keselamatan serantau.

-- BERNAMA

ZMY FAZ